

Utamakan nilai kemasyarakatan: PM Kikis sikap penting diri

KUALA LUMPUR, Jumaat
— Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu konsep hidup masyarakat desa yang memberi penekanan kepada sikap tolong-menolong dihidupkan semula dan dikembangkan hingga ke kawasan perumahan dan bandar.

Perdana Menteri berkata sikap individualisme atau mementingkan diri sendiri tanpa menghiraukan jiran tetangga, perlu dikikis kerana kestabilan sesuatu masyarakat bergantung kepada keutuhan anggotanya.

Beliau menegaskan untuk menjayakan rancangan itu, pemimpin masyarakat akan diarah supaya merangka garis panduan dan langkah yang perlu diambil bagi menghidupkan konsep masyarakat kampung di kawasan perumahan dan di bandar.

"Melalui badan atau pertubuhan sukarela, usaha kemasyarakatan dan perpaduan hendaklah dipupuk di kalangan semua anggota masyarakat tanpa mengira kaum dan latar belakang.

"Semua peringkat masyarakat juga mesti berganding bahu antara satu sama lain bagi mencurahkan tenaga bakti dan memberi perkhidmatan ke-

Oleh SAODAH ELIAS

pada anggota masyarakat yang memerlukan," katanya ketika merasmikan Seminar Kebangsaan Kebajikan Masyarakat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Beliau juga mengingatkan orang ramai mengenai bahaya sikap terlalu mementingkan kebendaan dan peribadi sehingga menyebabkan merosotnya nilai kemasyarakatan yang mulia seperti tolong-menolong dan sifat bertanggungjawab.

Katanya, apabila nilai-nilai kemasyarakatan diketepikan, pelbagai masalah sosial akan timbul seperti perpecahan rumah tangga yang dahulunya menjadi asas benteng masyarakat.

Menurutnya, apabila institusi kekeluargaan lemah, prestasi masyarakat dan kemajuan negara juga akan terjejas kerana negara memerlukan rakyat yang cergas dan berdisiplin bagi menjamin kejayaan pembangunan.

Sehubungan itu, beliau mahu semua pihak mengambil bahagian cergas dalam kerja-kerja kebajikan untuk memberi bantuan wang, tenaga atau kepakaran kepada mereka yang memerlukan bagi mengeratkan lagi silaturahim dan semangat perpaduan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Sebagai rakyat Malaysia, kita perlu hidup hormat menghormati antara satu sama lain kerana kesejahteraan dan kestabilan negara bergantung pada keharmonian dan keteguhan rakyat keseluruhannya."

Beliau berkata penyertaan masyarakat serta individu dalam kegiatan kebajikan sangat diperlukan bagi mengatasi atau membendung sesuatu masalah yang timbul.